A

Wong Kok Chun lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO C-05–242 TAHUN 2009
HASAN LAH, ABDUL MALIK ISHAK DAN BALIA YUSOF HHMR
28 FEBRUARI 2012

C

Keterangan — Fakta yang serupa — Keterangan dalam satu kes lagi diambil kira dalam kes ini — Sama ada keterangan penemuan dadah dalam satu lagi kes adalah perlu — Sama ada sebahagian fakta kes tentang apa yang berlaku pada hari kejadian — Sama ada hakim perbicaraan terkhilaf — Sama ada penemuan fakta oleh hakim perbicaraan dalam satu lagi kes mempengaruhi keseluruhan perjalanan kes perayu — Sama ada ketidakadilan berlaku — Sama ada nilai probatif keterangan dalam satu lagi kes melebihi kesan kemudaratan — Akta Keterangan 1950 ss 14 &15

D

E

Keterangan — Inferens bertentangan — Kegagalan memanggil saksi — Pengesanan cap jari pada barang-barang kes — Saksi tidak dapat mengesan cap jari pada barang-barang kes — Sama ada pendakwaan sengaja tidak memanggil saksi — Sama ada inferens bertentangan patut dibuat terhadap kes pendakwaan — Sama ada ketiadaan cap jari pada barang-barang kes menjejaskan kes pendakwaan — Akta Keterangan 1950 s 114(g)

F

G

Keterangan — Maklumat yang membawa kepada fakta didapati — Akta Keterangan 1950 s 27 — Penemuan dadah hasil maklumat yang diberikan perayu — Penafian pemberian maklumat oleh perayu — Sama ada maklumat oleh perayu membawa kepada penemuan dadah — Sama ada Mahkamah Rayuan boleh mengganggu dapatan hakim perbicaraan

H

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39B(1)(a) — Mengedar kanabis — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Kekeliruan pada barang kes — Perbezaan dalam berat dadah — Sama ada penjelasan tentang perbezaan jelas — Nexus antara dadah yang dijumpai dengan perayu — Sama ada dalam milikan perayu — Sama ada perayu mematahkan anggapan pengedaran di bawah s 37(da) Akta — Sama ada keterangan menunjukkan bahawa orang lain ada akses terhadap dadah selain daripada tertuduh

I

Perayu telah didapati bersalah mengedar dadah berbahaya kanabis seberat 541.22g dan disabitkan serta dihukum gantung sampai mati. Perayu telah merayu terhadap keputusan tersebut. Fakta kes pendakwaan adalah bahawa

SP5 telah menahan sebuah motokar yang dipandu oleh perayu di kawasan Stesen Minyak Shell, Taman Tas, Kuantan. Setelah menjalankan pemeriksaan di dalam motokar tersebut, SP5 telah menjumpai dadah di dalam kotak 'NOKIA 661 Oi' di atas tempat duduk penumpang sebelah kiri pemandu. Kemudian SP5 dan pasukannya telah pergi ke sebuah rumah yang disewa perayu dengan dipandu arah oleh perayu dan menjumpai tiga kotak kertas tisu 'PREMIER' yang setiap satunya mengandungi 60 peket plastik tumbuhan kering yang disyaki ganja di sebuah bilik yang kuncinya dirampas daripada perayu. SP7, pegawai penyiasat kes, telah menimbang kesemua 180 peket plastik yang berisi daun-daun kering tersebut dan mendapati berat kasar adalah 670g. SP2, ahli kimia kerajaan, telah mengesahkan 180 peket plastik tersebut mengandungi sejumlah 541.22g kanabis. Pertuduhan yang dikenakan terhadap perayu adalah berkaitan dengan dadah kanabis yang dijumpai di dalam bilik sewanya di rumah tersebut. Manakala dadah di dalam kotak Nokia dalam kereta yang dipandu oleh perayu menjadi hal perkara dalam kes lain di mahkamah majistret. Di akhir kes pendakwaan hakim perbicaraan telah memutuskan bahawa: (a) tiada keraguan ke atas identiti barang kes yang dirampas di bilik perayu; (b) ketiga-tiga kotak kertas tisu yang mengandungi kanabis itu berada dalam kawalan dan jagaan perayu; dan (c) perayu mengetahui ketiga-tiga kotak tersebut mengandungi dadah kanabis. Dalam rayuan ini, peguam perayu telah membangkitkan empat isu utama iaitu: (i) keterangan dalam satu kes lagi diambil kira dalam kes ini; (ii) perbezaan dalam berat dadah yang dikemukakan dalam keterangan SP7 dan SP2; (iii) keterangan di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 ('Akta'); dan (iv) tiada nexus antara dadah yang dijumpai dalam bilik sewa perayu dengan perayu dan kegagalan memanggil saksi.

Diputuskan, menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan dan hukuman:

(1) Dadah yang dirampas dari kereta perayu dijumpai lebih kurang dua jam sebelum dadah yang menjadi hal perkara dalam kes ini dijumpai dan dalam kedua-dua kes dadah dijumpai di dalam kotak. Keterangan mengenai dadah yang dijumpai dalam kotak Nokia boleh diterima sebagai keterangan dalam kes ini kerana ia relevan dalam menentukan pengetahuan perayu ke atas dadah yang dijumpai di dalam kotak tisu di biliknya. Ia menunjukkan modus operandi perayu iaitu menyimpan dadah di dalam kotak. Lagipun keterangan mengenai penemuan dadah dalam kotak Nokia adalah perlu kerana ia merupakan sebahagian daripada fakta kes tentang apa yang berlaku pada hari kejadian sehingga SP5 menjumpai dadah kanabis di dalam bilik perayu. Dalam erti kata lain, nilai probatif keterangan tersebut adalah mengatasi kesan kemudaratan ke atas kes perayu dan dengan itu ianya boleh diterima sebagai sebahagian daripada keterangan pihak pendakwa di bawah s 14 dan s 15 Akta (lihat perenggan 41–43).

(2) Berdasarkan penjelasan SP2 adalah jelas bahawa perbezaan berat yang

ketara barang kes yang diberikan oleh SP7 dan SP2 disebabkan berat yang diberikan oleh SP2 adalah termasuk berat ketiga-tiga kotak tisu tersebut. Seterusnya, berdasarkan rantaian keterangan kes ini yang tidak terputus, hujah peguam perayu bahawa terdapat kekeliruan pada barang kes adalah tidak bermerit (lihat perenggan 48–49).

(3) Hakim perbicaraan telah membuat keputusan yang betul apabila beliau menerima maklumat yang diberikan oleh perayu kepada SP5 berkaitan dadah tersebut yang membawa kepada penemuan dadah tersebut di dalam bilik perayu. Apa yang diberitahu oleh SP5 kepada mahkamah adalah perkara yang sebenarnya berlaku. Hakim perbicaraan telah menerima keterangan SP5 dan tidak ada sebab untuk mahkamah ini mengganggu keputusan tersebut. Dalam menilai kebolehpercayaan saksi-saksi, Mahkamah Rayuan tidak sepatutnya mengganggu dapatan hakim perbicaraan kerana beliau adalah orang yang lebih layak untuk membuat pertimbangan sedemikian (lihat perenggan 62).

(4) Ketiadaan cap jari pada barang-barang kes tidak menjejaskan kes pendakwaan kerana, eksibit tersebut dijumpai di dalam bilik yang dihuni oleh perayu dan kunci bilik tersebut dipegang oleh perayu seorang. Di samping itu pihak pendakwa telah mengemukakan keterangan dalam bentuk maklumat di bawah s 27 Akta yang menunjukkan perayu tahu tentang kewujudan dadah tersebut. Dengan itu, pihak pendakwa telah berjaya membuktikan dadah tersebut berada dalam kawalan dan jagaan perayu dan perayu mengetahui tentang kewujudan dadah tersebut di dalam ketiga-tiga kotak kertas tisu tersebut. Oleh itu hujahan peguam perayu bahawa tiada nexus di antara dadah yang dijumpai dalam bilik perayu dengan perayu adalah tidak bermerit (lihat perenggan 66).

[English summary

The appellant was found guilty for trafficking in dangerous drugs ie cannabis weighing 541.22g and was convicted and sentenced to death. The appellant appealed against the decision. The facts of the prosecution case was that SP5 had stopped a car driven by the appellant at the area of the Shell Petrol Station, Taman Tas, Kuantan. Upon inspection of the car, SP5 found drugs 'NOKIA 661 Oi' in the box on the front passenger seat, on the left of the driver. Subsequently, SP5 and his team proceeded to a house rented by the appellant, guided by the appellant and found three 'PREMIER' tissue boxes with each containing 60 plastic packets of dried plants suspected to be cannabis in a room which the keys were confiscated from the appellant. SP7, the investigating officer of the case, weighed all the 180 plastic packets containing the dried leaves and found the gross weight was 670g. SP2, the government chemist, confirmed the 180 plastic packets contained about 541.22g cannabis. The charge imposed on the appellant was relating to the cannabis found in his rented room in the house. Whereas the drugs in the Nokia box in the car driven by the appellant became a subject matter in another case in the magistrate

court. At the end of the prosecution case the trial judge concluded that: (a) there was no doubt on the identity of the case material confiscated from the appellant's room; (b) the three tissue boxes containing drugs were in the appellant's control and custody; and (c) the appellant had knowledge of the three boxes containing the cannabis. In this appeal, the appellant's counsel raised four main issues, ie: (i) the evidence in another case was considered in this case; (ii) the discrepancy in the weight of drugs tendered in evidence by SP7 and SP2; (iii) the evidence under s 27 of the Evidence Act 1950 ('the Act'); and (iv) there was no nexus between the drugs found in the appellant's rented room with the appellant and the failure to call a witness.

Held, dismissing the appellant's appeal and affirming the conviction and sentence:

(1) The drugs confiscated from the appellant's car was found approximately two hours before the drugs which was the subject matter in this case was found and in both cases the drugs found in box. The evidence as to the drugs found in the Nokia box was admissible as evidence in this case as it was relevant in determining the appellant's knowledge on the drugs found in the tissue boxes in his room. It showed the appellant's modus operandi ie keeping the drugs in boxes. Further, the evidence of the discovery of the drugs in the Nokia box was necessary as it was part of the facts of the case as to what took place on the date of the incident that brought SP5 to the finding of the cannabis in the appellant's room. In other words, the probative value of the evidence outweighed the prejudicial effect on the appellant's case and therefore it was admissible as part of the prosecution's evidence under ss 14 and 15 of the Act (see paras 41–43).

(2) Based on SP2's explanation it was obvious that there was clear discrepancy of weight in the case material produced by SP7 and SP2 because the weight given by SP2 was inclusive of the weight of all the three tissue boxes. Further, based on the chain of evidence in this case which was not broken, the contention of the appellant's counsel that there was confusion on the case material was with no merit (see paras 48–49).

(3) The trial judge had made the right decision when he admitted the information provided by the appellant to SP5 with regards to the drugs which brought to the discovery of the drugs in the appellant's room. What was informed by SP5 to the court was what had actually taken place. The trial judge had admitted SP5's evidence and there was no reason for this court to disturb the findings. In assessing the witnesses' credibility, the appellate court should not disturb the trial judge's finding as he was more qualified to make such consideration (see para 62).

(4) The absence of finger prints on the case material did not affect the

prosecution's case as the exhibit found in the room occupied by the appellant and the keys to the room was held by the appellant himself. At the same time the prosecution adduced evidence in the form of information under s 27 of the Act which showed that the appellant had knowledge of the drugs. Thus, the prosecution had successfully established that the drugs were under the control and custody of the appellant and the appellant knew of the existence of the drugs in all the three tissue boxes. Therefore, the submission by the appellant's counsel that there was no nexus between the drugs found in the appellant's room and the appellant was without merit (see para 66).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai mengenai fakta serupa, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 2613–2644.

Untuk kes-kes mengenai inferens, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 2066–2070.

Untuk kes-kes mengenai s 27 Akta Keterangan 1950, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 2097–2099.

Untuk kes-kes mengenai s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 445–492.

Kes-kes yang dirujuk

Azahan bin Mohd Aminallah v PP [2005] 5 MLJ 334, MR (dirujuk)
Andy bin Bagindah v PP [2000] 3 MLJ 644, MR (dirujuk)
Datuk Haji Harun bin Haji Idris v PP [1977] 2 MLJ 155, MP (dirujuk)
Francis Anthonysamy v PP [2005] 3 MLJ 389; [2005] 2 AMR 750, MP (dirujuk)
Goi Ching Ang v PP [1999] 1 MLJ 507; [1999] 1 CLJ 829, MP (dirujuk)
Hasamuddin bin Talena v PP [2002] 2 MLJ 408; [2002] 2 CLJ 504, MR (dirujuk)
Habee Bur Rahman v PP [1971] 2 MLJ 194 (dirujuk)
Makin v AG for New South Wales [1894] AC 57 (dirujuk)
PP v Khoo Boo Hock & Anor [1990] 2 CLJ (Rep) 716, HC (dirujuk)
PP v Mohamad Roslan & Anor [2011] 4 MLJ 826, MR (dirujuk)
Sum Kum Seng v PP [1981] 1 MLJ 244, MP (dirujuk)
Saludin bin Surif v PP [1997] 3 MLJ 317; [1997] 3 CLJ 529, MR (dirujuk)
Ti Chuee Hiang v PP [1995] 2 MLJ 433, MA (dirujuk)
Tan Geok Kwang v Public Prosecutor [1949] 5 MLJ 203 (dirujuk)
Wong Kok Wah v Regina [1955] 1 MLJ 46 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(da), 37A(1)(b), 39B(1)(a)
Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 s 57(1)(a)
Akta Keterangan 1950 ss 14, 15, 27, 114(g), 167
Akta Pencegah Rasuah 1961

Emergency Regulation 1958
Kanun Keseksaan ss 302, 304(b)
Ordinan Kastam 1952

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–3 Tahun 2006 (Mahkamah Tinggi, Kuantan)

Mura Raju (Bob Arumugam dan Arvinder Singh bersama- samanya) (Mura Raju & Co) bagi pihak perayu.
Tengku Amir Zaki bin Tengku Abdul Rahman (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.

Hasan Lah HMR:

[1] Perayu telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu Wong Kok Chun, KP No. 811012-06-5311, pada 13 Ogos 2005, lebih kurang jam 5.30 petang, di rumah No 34, Lorong Seri Setali 16, Taman Tunas Jaya, dalam daerah Kuantan, di dalam Negeri Pahang, didapati mengedar dadah berbahaya cannabis berat 541.22 gram, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[2] Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan serta dihukum gantung sampai mati. Perayu telah merayu terhadap keputusan tersebut.

[3] Di akhir pendengaran, kami sebulat suara menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan dan hukuman tersebut. Berikut adalah alasan keputusan kami itu.

[4] Kes pihak pendakwaan yang boleh dirumuskan daripada keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan adalah seperti berikut. Pada jam lebih kurang 3.30 petang Cif Inspektor Azhar bin Ahmad ('SP5') telah menahan sebuah motokar No CBE 8716 yang dipandu oleh perayu di kawasan Stesen Minyak Shell, Taman Tas, Kuantan. Setelah menjalankan pemeriksaan di dalam motokar tersebut, SP5 telah menjumpai satu kotak 'NOKIA 661 Oi' di atas tempat duduk penumpang sebelah kiri pemandu.

[5] Di dalam kotak tersebut SP5 mendapati terdapat 25 keping plastik merah putih bertulis 'ERIMIN 5' dan setiap satu keping plastik merah putih tersebut berisi sepuluh biji pil yang kesemuanya berjumlah 250 biji. Di dalam kotak tersebut juga terdapat dua peket plastik berisi tumbuhan kering yang disyaki ganja.

[6] Perayu dan barang-barang kes yang dirampas dibawa balik ke Balai Polis

Jaya Gading. Di balai polis, SP5 telah menyoal siasat perayu. SP5 telah membaca amaran di bawah s 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') kepada perayu dan bertanya 'mana lagi dadah'. Menurut SP5 perayu ada menjawab 'Ada sedikit lagi di rumah'.

[7] Dengan dipandu arah oleh perayu, SP5 dan pasukannya telah pergi ke sebuah rumah di alamat No 34, Lorong Seri Setali 16, Taman Tunas Jaya, Kuantan ('rumah tersebut'). Apabila sampai di rumah tersebut SP5 telah membuka pintu gril rumah tersebut dengan kunci yang dirampas daripada perayu. Setelah mereka masuk ke dalam rumah tersebut perayu membawa SP5 dan anggota-anggotanya terus ke bilik belakang rumah tersebut.

[8] Bilik tersebut berkunci dan SP5 membuka pintu bilik tersebut dengan kunci yang dirampas daripada perayu. Menurut SP5 semasa berada di dalam bilik tersebut perayu telah menunjukkan tiga kotak kertas tisu 'PREMIER' yang terletak ditepi meja sebelah pintu. Setiap satu kotak tisu tersebut mengandungi 60 peket plastik tumbuhan kering yang disyaki ganja. Barang kes tersebut dibawa balik ke balai polis dan kemudiannya diserah kepada pegawai penyiasat kes, Inspektor Mat Yatin @ Mat Sadye bin Che Wil ('SP7').

[9] SP7 telah menimbang kesemua 180 peket plastik yang berisi daun-daun kering tersebut dan mendapati berat kasar adalah 670g. Tindakan diambil oleh SP7 untuk mengesan cap jari pada barang kes tersebut tetapi gagal kerana tindanan urat-urat jari.

[10] Pada 15 Ogos 2005 jam lebih kurang 1 tengah hari SP7 dan SP5 telah pergi ke rumah tersebut untuk membuat siasatan. Rumah tersebut dimiliki oleh Chang Lee Ah ('SP3') dan suaminya.

[11] Pada 19 Ogos 2005 jam lebih kurang 2.50 petang, SP7 telah menghantar barang kes yang dirampas dari rumah tersebut oleh SP5 kepada Ahli Kimia Kerajaan, Khairul Hadi bin Hj Abd Raof ('SP2'), di Jabatan Kimia Pahang. SP7 menerima balik barang kes daripada SP2 pada 6 Disember 2005 bersama-sama laporan kimia P10. SP2 telah mengesahkan 180 peket plastik tersebut mengandungi sejumlah 541.22g cannabis seperti yang ditakrifkan dalam s 2 Akta.

[12] Menurut SP3 rumah tersebut didiami oleh anaknya, Lai Kok Kit ('SP4') dan Lai Kok Foong dan perayu menyewa bilik belakang rumah tersebut mulai dari bulan Mac 2005.

[13] SP4 mengatakan dia tinggal di rumah tersebut sejak 20 tahun yang lalu. Adiknya Lai Kok Foong juga tinggal di situ. Perayu tinggal di situ mulai dari

Mac 2005, iaitu di bilik belakang rumah tersebut. SP4 tidak ada memegang kunci bilik belakang tersebut dan dia tidak pernah memasuki bilik belakang tersebut semasa perayu tinggal di situ.

[14] Semasa disoal balas SP4 mengatakan dia pernah nampak perayu membawa balik teman wanitanya ke bilik belakang tersebut. Kawan-kawan perayu juga ada datang ke ruang tamu rumah tersebut.

[15] Chan Wai Mon ('SP8') adalah teman wanita perayu. Dia pernah pergi ke rumah tersebut dan masuk ke bilik yang disewa oleh perayu. Dia ke sana dua hingga tiga kali seminggu. Menurutnya bilik tersebut sentiasa berkunci dan kunci bilik tersebut hanya dipegang oleh perayu. SP8 juga mengatakan kawan-kawan perayu ada datang ke bilik perayu untuk berbual-bual.

[16] Pertuduhan yang dikenakan terhadap perayu adalah berkaitan dengan dadah cannabis yang dijumpai di dalam bilik sewanya di rumah tersebut.

KES PEMBELAAN

[17] Dalam pembelaannya perayu menyatakan ada terdapat dua orang lelaki yang dikenali sebagai Chan dan Yip menumpang tinggal di bilik tersebut bersamanya. Chan dan Yip datang dari Kuala Lumpur ke Kuantan setiap minggu untuk urusan kerja mereka dan akan tinggal di Kuantan untuk satu hari. Mereka menginap di bilik perayu semasa berada di Kuantan. Semasa menginap di bilik perayu, mereka akan membeli barangan keperluan harian seperti sabun, syampu, kertas tisu dan lain-lain. Perayu ada memberi kunci rumah dan bilik tersebut kepada mereka.

[18] Kali terakhir mereka menginap di bilik tersebut ialah 2–3 hari sebelum perayu ditangkap. Mereka ada membeli kertas tisu dan ubat gigi untuk kegunaan di bilik tersebut, termasuk ketiga-tiga kotak tisu yang terdapat dadah cannabis tersebut.

[19] Perayu menafikan keterangan SP5 bahawa dia ada memberitahu SP5 bahawa ada sedikit lagi dadah di rumah. Perayu juga menafikan dia ada menunjukkan tiga kotak kertas tisu yang berisi dadah cannabis kepada SP5 semasa mereka berada di dalam bilik tersebut. Dia juga menafikan dia yang menyimpan dadah tersebut di dalam kotak-kotak tisu tersebut.

[20] Perayu juga menyatakan dia ada memberitahu SP5 dan SP7 tentang Chan dan Yip.

[21] Abang perayu, Wong Kok Hong ('SD2') telah memberi keterangan

untuk kes pembelaan. SD2 mengatakan dia ada pergi ke bilik sewa perayu sekali atau dua kali dalam seminggu. SD2 juga mengesahkan dia ada mengenalkan Chan dan Yip iaitu kawan-kawannya, kepada perayu. Setahu SD2, Chan dan Yip tinggal di Sg Long, Kajang. SD2 juga mengesahkan Chan dan Yip tidur di bilik yang disewa oleh perayu apabila mereka datang ke Kuantan.

[22] Menurut SD2, dua hari sebelum perayu ditangkap, Chan dan Yip ada datang ke Kuantan dan bermalam di bilik perayu. SD2 ada membawa Chan dan Yip pergi ke kedai runcit berdekatan rumah tersebut iaitu Kedai Tunas Manja, di Jalan Hj Ahmad untuk membeli ubat gigi, kertas tisu kotak dan kertas tisu gulung. SD2 mengesahkan mereka membeli kertas tisu kotak seperti yang dirampas oleh SP5 dari bilik perayu.

KEPUTUSAN HAKIM PERBICARAAN

[23] Di akhir kes pendakwaan hakim perbicaraan telah memutuskan bahawa:

(a) tiada keraguan ke atas identiti barang kes yang dirampas oleh SP5 di bilik perayu dan kemudiannya diserahkan kepada SP7. Selepas itu SP7 telah menghantarnya kepada SP2 dan akhirnya barang kes tersebut dikemukakan ke mahkamah dalam perbicaraan;

(b) ketiga-tiga kotak kertas tisu yang mengandungi cannabis itu berada dalam kawalan dan jagaan perayu; dan

(c) perayu mengetahui ketiga-tiga kotak tersebut mengandungi dadah cannabis.

[24] Setelah mengambil kira bahawa pihak pendakwaan bergantung kepada anggapan di bawah s 37(da) Akta untuk membuktikan pengedaran hakim perbicaraan memutuskan kes prima facie telah dibuktikan oleh pihak pendakwa terhadap perayu.

[25] Mengenai pembelaan perayu, hakim perbicaraan memutuskan bahawa:

(a) kedua-dua watak yang bernama Chan dan Yip tidak wujud dan merupakan suatu rekaan semata-mata;

(b) dadah yang ditemui di dalam bilik tersebut adalah berdasarkan maklumat yang diberi oleh perayu kepada SP5; dan

(c) pembelaan telah gagal mematahkan anggapan pengedaran dadah tersebut di bawah s 37(da) Akta.

[26] Oleh yang demikian hakim perbicaraan telah memutuskan pembelaan

telah gagal menimbulkan sebarang keraguan dan kesangsian ke atas kes pendakwaan dan pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya di akhir kes melampaui keraguan yang munasabah.

RAYUAN DI MAHKAMAH RAYUAN

[27] Dalam rayuan ini, peguam terpelajar perayu telah membangkitkan empat isu utama iaitu:

(a) keterangan dalam satu kes lagi diambil kira dalam kes ini;

(b) perbezaan dalam berat dadah yang dikemukakan dalam keterangan SP7 dan SP2;

(c) keterangan di bawah s 27 Akta Keterangan 1950; dan

(d) tiada nexus antara dadah yang dijumpai dalam bilik sewa perayu dengan perayu dan kegagalan memanggil Kpl Sani.

KETERANGAN DALAM SATU KES LAGI DIAMBIL KIRA DALAM KES INI

[28] Seperti dinyatakan di atas pihak pendakwa telah mengemukakan keterangan melalui SP5 bahawa selain daripada dadah cannabis yang menjadi hal perkara pertuduhan dalam kes ini SP5 juga menjumpai dadah di dalam kotak Nokia dalam kereta yang dipandu oleh perayu. Dadah tersebut tidak menjadi hal perkara dalam pertuduhan dalam kes ini tetapi sebaliknya menjadi hal perkara dalam kes lain di mahkamah majistret.

[29] Hakim perbicaraan telah membenarkan keterangan tersebut dikemukakan oleh pihak pendakwa dan bahkan di dalam keputusannya hakim perbicaraan juga telah membuat dapatan fakta ke atas kotak Nokia tersebut seperti berikut:

> Untuk menguatkan lagi akan kewujudan dua lelaki cina tersebut, tertuduh telah menyatakan pula kotak Nokia yang dijumpai di dalam kereta tertuduh adalah milik Yip. la kononnya telah ditinggalkan oleh Yip dua ke tiga hari sebelum Tertuduh ditangkap. Namun demikian SD2 menyatakan pada setiap kali dua lelaki cina tersebut datang ke Kuantan mereka akan menggunakan kereta mereka sendiri dan barangan jualan mereka tidak pernah ditinggalkan di dalam kereta SD2. Adalah menghairankan juga apabila barangan jualan lelaki bernama Yip ditinggalkan pula di dalam kereta tertuduh di bahagian hadapan tempat duduk penumpang. Sebenarnya kotak Nokia yang dijumpai di dalam kereta tertuduh adalah kepunyaan tertuduh. Maka sebab itulah ianya berada di sebelah pemandu.

[30] Peguam terpelajar perayu berhujah bahawa hakim perbicaraan telah

terkhilaf apabila menerima masuk keterangan tersebut sebagai sebahagian daripada keterangan dalam kes ini dan seterusnya memutuskan bahawa kotak Nokia tersebut adalah kepunyaan perayu kerana keterangan tersebut memudaratkan dan penemuan fakta yang dibuat oleh hakim perbicaraan ke atas kotak Nokia tersebut telah mempengaruhi keseluruhan perjalanan kes perayu dalam kes ini dan telah menyebabkan ketidakadilan ('miscarriage of justice').

[31] Bagi menyokong hujah tersebut peguam terpelajar perayu telah merujuk kepada kes-kes berikut:

(a) *Datuk Haji Harun bin Haji Idris v Public Prosecutor* [1977] 2 MLJ 155;

(b) *Tan Geok Kwang v Public Prosecutor* [1949] 1 MLJ 203;

(c) *Habee Bur Rahman v Public Prosecutor* [1971] 2 MLJ 194;

(d) *Wong Kok Wah v Regina* [1955] 1 MLJ 46; dan

(e) *Saludin bin Surif v Public Prosecutor* [1997] 3 MLJ 317; [1997] 3 CLJ 529.

[32] Dalam kes *Saludin Surif* pihak pendakwa mengemukakan keterangan melalui saksinya, SP12, bahawa dia pernah pergi ke rumah di mana dadah telah dirampas untuk menghisap ganja dengan perayu. SP12 juga memberi keterangan bahawa sebelum rumah tersebut diserbu oleh polis dia ada menghisap ganja yang diberikan oleh perayu. Perayu merupakan penyewa utama rumah tersebut. Mahkamah Rayuan, melalui Shaik Daud Ismail HMR, telah memberi pandangan berikut:

> Apart from this, the appeal records show that the learned judge admitted evidence highly prejudicial to the appellant through the testimony of SP12. SP12 was allowed to adduce evidence that he had frequently visited the premises in order to smoke *ganja* sometimes with the late Mohd Musa and sometimes with the appellant and that the appellant had smoked *ganja* in that premises before. The testimony of SP12 that just before the police raided the premises he had smoked *ganja* in the premises which *ganja* was allegedly provided by the appellant. The learned judge admitted all these simply on the ground that there was no challenge of this in cross-examination and that there was no reason for him to reject such evidence. With respect, we hold that the learned judge erred in law on this issue, as it is trite law that inadmissible evidence remains inadmissible whether challenged or not. We hold that all the testimony of SP12 in connection with the appellant, are highly prejudicial and ought to be excluded. The general rule is that evidence showing the accused had committed any other offence other than those charged, or has a disposition to commit the kind of offence charged, is inadmissible for the purpose of showing that he had committed or likely to have committed the offence with which he is charged. Having admitted and considered the highly prejudicial evidence, it is obvious that this had influenced the learned judge to hold that appellant had exclusive possession, custody or under his control the offending drugs.

[33] Dalam kes *Datuk Haji Harun bin Haji Idris*, tertuduh telah disabitkan dengan tiga kesalahan di bawah Akta Pencegah Rasuah 1961 oleh Mahkamah Tinggi. Di peringkat rayuan di Mahkamah Persekutuan, antara isu yang dihujahkan ialah keterangan berkaitan cek-cek yang dibayar oleh tertuduh daripada akaun tabung khas UMNO ke dalam akaun peribadi tertuduh yang telah diterima masuk oleh hakim perbicaraan. Suffian KHN, dalam keputusannya mengenai isu ini telah memberi pandangan berikut:

> With respect we agree with Mr Chelliah that certainly evidence relating to the first two cheques should have been excluded under sub s (2) of s 54.
>
> We also agree with Mr Chelliah that the judge wrongly directed himself on the basis of these two cheques, for he said in his judgment at p 276 of the appeal record that the accused's credibility, because of these two payments to himself, if nothing else, was discredited, and that he thought that the circumstances established by the evidence were sufficient to warrant the reasonable inference that he pocketed party funds.

[34] Dalam kes *Tan Geok Kwang* tertuduh dituduh dengan kesalahan memiliki revolver, iaitu kesalahan di bawah Emergency Regulations 1948. Semasa perbicaraan pihak pendakwa mengemukakan keterangan-keterangan berikut:

(a) satu bom tangan telah dicampak dari dalam belukar di mana tertuduh berlari ke arahnya dan tiada orang lain dijumpai di tempat itu;

(b) revolver yang dijumpai itu telah digunakan untuk menembak beberapa hari sebelum ini; dan

(c) kandungan beberapa dokumen yang dirampas daripada tertuduh.

[35] Mahkamah, melalui Willan CJ, memutuskan:

> Held, (1) that the evidence relating to the throwing of the hand-grenade was admissible under s 6 of the Evidence Enactment as res gestae because the group of facts forming this transaction was so connected that the exclusion of evidence relating to the hand-grenade would tend to render evidence as to other facts unintelligible; (2) that the evidence as to the firing of the revolver a few days previously should have been excluded as it tended to show that the appellant was guilty of another offence, namely the possession or the carrying and using of the same revolver three days previously; (3) that the contents of the documents should not have been admitted in evidence as it tended to show that the appellant was a man of bad character and also showed that he had been guilty of other criminal offences not contained in the charge; (4) that for these reasons the conviction must be quashed and a retrial ordered.

[36] Dalam kes *Wong Kok Wah* tertuduh dituduh melakukan kesalahan memiliki barang-barang yang tidak dibayar cukai di bawah Ordinan Kastam

1952. Pihak pendakwa melalui seorang saksi bernama Pin bin Mat telah mengemukakan keterangan bahawa Pin bin Mat telah ditangkap kerana membawa barang kepunyaan tertuduh iaitu 'Headache Powders' yang serupa dengan barang yang dirampas dari bilik tertuduh. Pin bin Mat mengatakan tertuduh memberinya barang tersebut pada jam 9.30 malam dan menyuruhnya menghantar barang tersebut ke suatu tempat. Pin bin Mat ditangkap sebelum dia sampai ke tempat tersebut. Spenser Wilkinson J dalam keputusannya memberi pandangan berikut:

> In my opinion, however, Pin bin Mat was not an accomplice at all in respect of the offence charged against the appellant, and I find it very difficult to see upon what grounds his evidence was admitted or admissible. This was clearly evidence tending to suggest that the accused had committed a similar offence on a different occasion and such evidence is never admissible in order to show that an accused person is likely to have committed the offence charged. I am unable to see that the evidence of this witness comes under any of the four categories laid down in the case of *RV Raju & Ors v R* as justifying the admission of this kind of evidence and the learned Deputy Public Prosecutor conceded that the evidence of this witness really amounted to the information upon which the customs authorities had acted in raiding the appellant's premises.

[37] Isu ini melibatkan keterangan fakta yang serupa ('similar fact evidence') di bawah s 14 dan s 15 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan seperti berikut:

> 14 Facts showing the existence of any state of mind, such as intention, knowledge, good faith, negligence, rashness, ill-will or good-will towards any particular person, or showing the existence of any state of body or bodily feeling, are relevant when the state of mind or bodily feeling is in issue or relevant.
>
> 15 When there is a question whether an act was accidental or intentional or done with a particular knowledge or intention, the fact that the act formed part of a series of similar occurences, in each of which the person doing the act concerned, is relevant.

[38] Prinsip-prinsip mengenai keterangan fakta yang serupa telah dijelaskan oleh Privy Council dalam kes *Makin v AG for New South Wales* [1894] AC 57 seperti berikut:

> (1) It is undoubtedly not competent for the prosecution to adduce evidence tending to show that the accused has been guilty of criminal acts other than those covered by the indictment, for the purpose of leading to the conclusion that the accused is a person likely from his criminal conduct or character to have committed the offence for which he is being tried; and
>
> (2) … the mere fact that the evidence adduced tends to show the commission of other crimes does not render it inadmissible if it be relevant to an issue before the

jury, and it may be so relevant if it bears upon the question whether the acts alleged were designed or accidental, or to rebut a defence which would otherwise be open to the accused.

[39] Dalam kes *Azahan bin Mohd Aminallah v Public Prosecutor* [2005] 5 MLJ 334, Gopal Sri Ram, HMR telah memberi pandangan berikut:

A court when deciding whether to admit similar fact evidence must carry out a balancing exercise by weighing the probative value of such evidence against its prejudicial effect as impliedly required by ss 14 and 15 of the Evidence Act 1950. The court would be justified in admitting the evidence where its probative value is outweighed by its prejudicial effect. See *Boardman v Director of Public Prosecutions* [1975] 3 AC 421; *Director of Public Prosecutions v P* [1991] 2 AC 447; *Junaidi bin Abdullah v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 217; *Public Prosecutor v Teo Ai Nee* [1995] 2 SLR 69; *Tan Meng Jee v Public Prosecutor* [1996] 2 SLR 422; *Lee Kwang Peng v Public Prosecutor* [1997] 3 SLR 278.

In *Tan Meng Jee v Public Prosecutor* Yong Pung How CJ when delivering the judgment of the Singapore Court of Appeal said of the equipollent provisions in the Singapore Evidence Act:

> Be that as it may, we are of the opinion that the admission of similar fact evidence, at least for the purposes identified in ss 14 and 15 of the Evidence Act, should be governed by the balancing test adopted by the House of Lords in *Boardman*'s case. Such an approach is warranted both in principle as well as on the wording of the legislation itself. As to the former, it has been argued above that the rationale of the rule excluding similar fact evidence is so that every person charged with an offence may only be convicted upon being proved to have committed the acts within the charge. It would be subverting established jurisprudence to allow a conviction based on the particular disposition of the accused — based on the contention that the accused is that type of person who would commit such an offence. On the other hand, there may be cases where the interest of justice clearly outweigh any prejudicial dangers inherent in the evidence.

[40] Dalam kes *Public Prosecutor v Mohamad Roslan bin Desa & Anor* [2011] 4 MLJ 826 responden telah dituduh melakukan kesalahan bunuh pada 23 Disember 1998 iaitu kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Dalam perbicaraan kesnya di Mahkamah Tinggi, pihak pendakwa cuba mengemukakan rekod presiding kes di mahkamah sesyen di mana responden telah mengaku salah dan disabitkan dengan kesalahan di bawah s 304(b) Kanun Keseksaan yang dilakukan pada 11 Disember 1998.

[41] Mahkamah Tinggi telah menolak keterangan tersebut dengan alasan tidak terdapat persamaan ('striking similarity') di antara apa yang berlaku dalam kedua-dua kes tersebut. Pendakwa raya telah membuat rayuan dalam kes tersebut hingga ke Mahkamah Persekutuan dan salah satu isu yang

dihujahkan dalam rayuan di Mahkamah Persekutuan ialah mengenai keterangan fakta serupa tersebut. Mahkamah Persekutuan, melalui Arifin bin Zakaria HBM (pada masa itu) telah memutuskan:

> The courts below rejected the similar fact evidence on the basis that there was no striking similarity between what happened in the earlier case and the present case. It should perhaps be noted that House of Lords in *DPP v P* had retracted from the test laid down in *Boardman* as to the requirement of 'striking similarity' and said that it was inappropriate to single out 'striking similarity' as an essential element in every case. But following *Boardman* it was held that the essential feature of admissibility of such evidence is whether its probative force in support of the charge is sufficiently great to make it just to admit the evidence notwithstanding that its prejudicial effect on the accused tending to show that he was guilty of another offence. Whether the evidence has sufficient probative value to outweigh its prejudicial effect must in each case be a question of degree.
>
> The test has since been authoritatively laid down by *DPP v P* in terms of probative value as against its prejudicial effect. There is force in saying that the decision in *DPP v P* is in line with ss 14 and 15 of the Evidence Act as 'striking similarity' has never been a requirement of the said sections.
>
> Applying the test in *DPP v P* to the present case, we are of the view that both the High Court and the Court of Appeal erred in rejecting ID39. Considering the facts as disclosed in ID39, as admitted by the respondent, when compared to modus operandi in the present case, we find that they are very much similar.
>
> In *Black* (1995) Crim LR 640 the English Court of Appeal held that the firm finding of guilt as regards an earlier offence with similar modus operandi to that alleged in respect of the present offences was a significant fact in so far as assessment of probative value of the evidence. In the present case, the respondent had pleaded guilty to the earlier offence as disclosed in ID39. In the circumstances the evidence of the earlier offence must be treated as fully cogent. For the above reasons, we agree with learned deputy that whatever prejudice the earlier offence may have on the respondent, it is far outweighed by the probative value of the evidence that is sought to be admitted. We accordingly direct that ID39 be admitted as evidence by the trial judge.

[42] Di dalam pembelaannya perayu mengatakan ketiga-tiga kotak tisu yang mengandungi cannabis dan dijumpai di biliknya adalah ditinggalkan oleh Chan dan Yip dan dia tidak tahu kotak-kotak tisu tersebut mengandungi dadah. Begitu juga dengan penjelasan perayu tentang kotak telefon Nokia yang mengandungi dadah yang dijumpai di dalam keretanya oleh SP5. Dia menyatakan kotak telefon Nokia tersebut ditinggalkan oleh Yip di dalam keretanya dan dia tidak tahu isi kandungan kotak telefon tersebut.

[43] Isu di sini ialah sama ada nilai probatif ('probative value') keterangan tersebut adalah melebihi kesan kemudaratan ('prejudicial effect'). Dalam menimbang perkara ini kami mengambil kira fakta bahawa dadah yang dirampas dari kereta perayu dijumpai lebih kurang dua jam sebelum dadah

yang menjadi hal perkara dalam kes ini dijumpai dan dalam kedua-dua kes dadah dijumpai di dalam kotak. Kami berpendapat keterangan mengenai dadah yang dijumpai dalam kotak Nokia boleh diterima sebagai keterangan dalam kes ini kerana ianya relevan dalam menentukan pengetahuan perayu ke atas dadah yang dijumpai di dalam kotak tisu di biliknya kerana ia menunjukkan modus operandi perayu iaitu menyimpan dadah di dalam kotak. Lagipun keterangan mengenai penemuan dadah dalam kotak telefon Nokia adalah perlu kerana ia merupakan sebahagian daripada fakta kes tentang apa yang berlaku pada hari kejadian sehingga SP5 menjumpai dadah cannabis di dalam bilik perayu. Dalam erti kata lain, nilai probatif keterangan tersebut adalah mengatasi kesan kemudaratan ke atas kes perayu dan dengan itu ianya boleh diterima sebagai sebahagian daripada keterangan pihak pendakwa di bawah s 14 dan s 15 Akta Keterangan 1950.

[44] Sekiranya keterangan tersebut tidak boleh diterima persoalan seterusnya, dengan mengambil kira s 167 Akta Keterangan 1950, adakah terdapat keterangan yang mencukupi, tanpa keterangan tersebut, untuk mahkamah memutuskan pihak pendakwa telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah terhadap perayu? Untuk itu kami akan menganalisa keterangan-keterangan lain yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwa terhadap perayu.

PERBEZAAN DALAM BERAT DADAH

[45] Peguamcara perayu berhujah bahawa terdapat keraguan mengenai identiti dadah yang dirampas daripada bilik perayu disebabkan oleh percanggahan dalam keterangan SP2 (ahli kimia) dan SP7 (pegawai penyiasat) tentang berat dadah yang dirampas. Menurut SP7 jumlah berat 180 peket plastik dan kandungannya adalah 670g. SP2 pula semasa disoal balas mengatakan jumlah berat dadah 180 peket plastik adalah 792.38g. Peguamcara perayu berhujah terdapat perbezaan yang amat ketara mengenai berat dadah tersebut iaitu 122.38g apabila dadah tersebut diterima oleh SP2 daripada SP7. Oleh itu peguamcara perayu berhujah dadah yang dihantar oleh SP7 bukanlah barang kes yang dirampas oleh SP5 dari bilik perayu.

[46] Pihak pendakwa telah memanggil semula SP2 untuk memberi penjelasan tentang perbezaan berat dadah tersebut. Peguamcara telah membantah SP2 dipanggil semula tetapi bantahan tersebut ditolak oleh hakim perbicaraan. Dalam penjelasannya SP2 mengatakan sebenarnya berat 792.38g tersebut adalah termasuk berat tiga kotak tisu tersebut dan beliau telah mengemukakan helaian keempat catitan beliau sebagai P22 untuk menyokong keterangan beliau.

[47] Kami berpendapat hakim perbicaraan tidak melakukan apa-apa

kesilapan apabila beliau membenarkan SP2 dipanggil semula oleh pihak pendakwa untuk menjelaskan perbezaan dalam berat dadah tersebut yang diberikan oleh SP2. Hakim perbicaraan mempunyai budi bicara yang luas untuk membenarkan mana-mana saksi dipanggil semula untuk keadilan sesuatu kes.

[48] Berdasarkan penjelasan SP2 adalah jelas bahawa perbezaan berat yang ketara barang kes di antara berat yang diberikan oleh SP7 dan SP2 disebabkan berat yang diberikan oleh SP2 adalah termasuk berat ketiga-tiga kotak tisu tersebut. Apapun kami berpendapat rantaian keterangan kes ini tidak terputus berdasarkan keterangan yang ada, iaitu:

(a) barang kes tersebut dirampas oleh SP5 dari bilik perayu dan SP5 sendiri yang mengawal barang kes tersebut sehingga waktu ia diserahkan kepada SP7. SP5 ada membuat tandaan pada setiap peket plastik yang mengandungi cannabis tersebut;

(b) setelah SP7 menerima barang kes tersebut daripada SP5, SP7 menyimpan ke dalam kabinet besi berkunci dalam bilik pejabatnya dan kunci kabinet besi dan kunci bilik pejabat tersebut dipegang oleh SP7;

(c) pada keesokan harinya, SP7 membuat tandaan ke atas barang kes tersebut dan selepas itu menyimpan barang kes tersebut semula ke dalam kabinet besi yang sama dan berkunci sehinggalah barang kes tersebut dihantar kepada ahli kimia, SP2 pada 19 Ogos 2005;

(d) pada 6 Disember 2005, setelah SP7 menerima balik barang kes tersebut daripada SP2 dia menyimpan semula barang kes tersebut ke dalam peti besi berkunci yang sama sehinggalah barang kes tersebut diserah kepada SP1 iaitu penjaga stor barang kes narkotik di IPK, Kuantan pada 14 Disember 2005;

(e) SP2 menyatakan selepas beliau menerima barang kes daripada SP7 untuk dianalisa beliau menyimpan barang kes tersebut dalam kabinet berkunci di dalam bilik kebal. Selepas barang kes tersebut dianalisa barang kes tersebut disimpan semula ke dalam kabinet berkunci yang sama sehinggalah barang kes tersebut dipulangkan pada SP7;

(f) SP1 menyatakan beliau menerima barang kes tersebut pada 14 Disember 2005 daripada SP7 dan menyimpannya dalam stor barang kes narkotik dan berkunci;

(g) eksh P27 iaitu borang bongkar, yang ditandatangani oleh perayu menunjukkan barang-barang kes tersebut yang dirampas; dan

(h) berdasarkan keterangan SP1, SP2, SP5 dan SP7 barang kes yang dirampas dari bilik perayu adalah barang kes yang dikemukakan kepada mahkamah dalam perbicaraan kes ini.

[49] Berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang ada kami berpendapat hujah peguam terpelajar perayu bahawa terdapat kekeliruan pada barang kes adalah tidak bermerit dan dengan itu kami menolak hujah peguam terpelajar perayu dalam hal ini.

KETERANGAN DI BAWAH S 27 AKTA KETERANGAN 1950

[50] Menurut SP5 dadah cannabis yang dijumpai di dalam tiga kotak tisu dalam bilik yang disewa oleh perayu ditemui hasil daripada maklumat yang diberikan oleh perayu sendiri. Maklumat tersebut dinyatakan dalam laporan polis iaitu eksh P25 yang dibuat pada hari yang sama jam 7 petang iaitu selepas SP5 selesai membuat rampasan barang kes tersebut di bilik perayu.

[51] Peguam terpelajar perayu telah menimbulkan beberapa isu berkaitan keterangan tersebut. Pertamanya beliau berhujah, berdasarkan keterangan perayu sendiri, SP5 menjumpai dadah tersebut di dalam ketiga-tiga kotak tisu itu hasil daripada pemeriksaan yang dibuat oleh SP5 dan anggota-anggotanya ke atas bilik tersebut dan bukannya ditunjuk oleh perayu. Beliau berhujah tidak mungkin perayu boleh menunjuk ke arah ketiga-tiga kotak tisu tersebut memandangkan tangan perayu digari ke belakang. Beliau seterusnya berhujah versi kes pembelaan disokong oleh kandungan eksh P27 iaitu senarai geledah yang disediakan oleh SP5 ditempat kejadian yang menyatakan barang kes tersebut ditemui 'tepi meja sebelah pintu bilik belakang rumah no. 34, Lorong Seri Setali 16, Taman Tunas Jaya, Kuantan'.

[52] Keduanya, peguam terpelajar perayu berhujah bahawa SP5 gagal mencatatkan secara kontemporari soalan-soalan dan jawapan- jawapan yang diberi oleh perayu secara verbatim semasa SP5 menyoal siasat perayu pada jam 5.30 petang di Balai Polis Jaya Gading. Beliau seterusnya berhujah tiada apa-apa catitan dibuat oleh SP5 untuk menunjukkan SP5 ada membaca amaran kepada perayu semasa soal siasat dijalankan ke atas perayu di balai polis atau di bilik perayu. SP5 juga gagal mencatit soalan-soalan yang beliau tanya kepada perayu dan jawapan-jawapan yang perayu beri semasa mereka berada di dalam bilik perayu di rumah tersebut.

[53] Bagi menyokong hujahnya peguam terpelajar perayu telah merujuk kepada keputusan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Hasamuddin bin Talena v Public Prosecutor* [2002] 2 MLJ 408; [2002] 2 CLJ 504 dan keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Public Prosecutor v Khoo Boo Hock & Anor* [1990] 2 CLJ (Rep) 716. Dalam kes *Hasamuddin bin Talena* mahkamah memutuskan bahawa perkataan-perkataan sebenar yang diucapkan oleh tertuduh semasa memberi maklumat di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 hendaklah

dibuktikan dengan tegasnya dan perkataan-perkataan tersebut hendaklah dicatat oleh interogator sama ada ketika tertuduh disoal siasat atau sejurus selepas itu.

[54] Peguam perayu berhujah disebabkan tiada catatan dibuat ke atas soalan-soalan yang ditanya oleh SP5 khususnya semasa mereka berada di dalam bilik perayu dan catatan tentang perkataan-perkataan yang diucapkan oleh perayu maka keterangan SP5 bahawa perayu ada memberi maklumat di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 adalah meragukan.

[55] Hakim perbicaraan telah menimbang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh peguam terpelajar perayu semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi dan memutuskan seperti berikut:

> Pihak pendakwaan telah bergantung kepada s 27 Akta Keterangan sepenuhnya dalam penemuan dadah ganja di bilik tertuduh. Penemuan dadah ganja di bilik tertuduh adalah berdasar dari maklumat yang diberikan oleh tertuduh. Otoriti-otoriti menunjukkan bahawa s 27 Akta Keterangan berdiri secara bebas tanpa tertakluk kepada sukarela di dalam s 24 Akta Keterangan. Adalah jelas melampaui keraguan bahawa maklumat yang diberikan oleh tertuduh di bawah s 27 AK tidak perlu dinyatakan dalam kata-kata sebenar yang telah digunakan biarpun rekod bertulis sepatutnya wujud. Ketiadaan rekod bertulis tidak menjejaskan kebolehterimaan keterangan lisan maklumat tersebut. Kewujudan rekod sedemikian adalah elok dan ianya dapat membantu menyelesaikan perkara-perkara yang dicatat sekiranya terdapat kekaburan (rujuk kes *Sum Kum Seng v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 244). Apa-apa maklumat yang tercatat di dalam diari polis hanya boleh digunakan untuk peringatan semula (rujuk kes *Public Prosecutor v Er Ah Kiat* [1966] 1 MLJ 9) sahaja dan sekiranya kandungannya tercatat di dalam mana-mana dokumen maka ianya lebih bersifat suatu keterangan sokongan dan tidak menjadikannya suatu keterangan yang substantif.

[56] Hakim perbicaraan, setelah menilai keterangan SP5 dan perayu telah menerima keterangan SP5 bahawa barang kes tersebut diperolehi hasil daripada maklumat yang diberikan oleh perayu kepada SP5 iaitu perayu memberitahu SP5 'ada sedikit lagi di rumah' apabila SP5 bertanya kepadanya 'mana lagi dadah' dan kemudian apabila sampai di bilik perayu, perayu menunjukkan kepada SP5 di mana dadah tersebut disembunyikan.

[57] Di dalam kes *Francis Anthonysamy v Public Prosecutor* [2005] 3 MLJ 389; [2005] 2 AMR 750 Mahkamah Persekutuan telah memutuskan antara lainnya bahawa maklumat yang diberikan di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 boleh diterima masuk walaupun ia didapati diberikan secara tidak sukarela. Seterusnya dalam kes *Goi Ching Ang v Public Prosecutor* [1997] 1 MLJ 507; [1999] 1 CLJ 829 Mahkamah Persekutuan memutuskan maklumat yang diberikan di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 yang didapati diberikan secara

tidak sukarela boleh ditolak oleh mahkamah dalam perjalanan budi bicaranya, yang mana akan bergantung kepada fakta-fakta dan keadaan setiap kes.

[58] Di dalam kes *Hasamuddin bin Talena* Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa:

> The exact words of the two statements allegedly made by the appellant during his interrogation and at the place where the drugs were discovered respectively were not reduced into writing as soon as it was practicable to do so. In respect of the first statement, there was no excuse for the interrogator's failure to take down the questions put to and the responses received from the appellant either during the interrogation or immediately thereafter. In respect of the second statement, the interrogator should have put it down in writing in his diary as soon as he returned from the scene of the crime. The appellant's conviction, which rested squarely on these two statements were therefore wholly unsafe, (pp 507 a–e and 508f).
>
> Where the prosecution seeks to rely on information under the inclusionary provisions of s 27 of the Evidence Act 1950, approximations are not permitted. The exact words spoken by the accused have to be strictly proved. There should also be no paraphrasing. No judge should allow one word more to be deposed to by the police than it is absolutely necessary to show how the fact discovered is connected with the accused, (pp 507 f–g and 508 d–e).

[59] Di sini kami ingin menyatakan bahawa Mahkamah Rayuan dalam kes *Hasamuddin bin Talena* tidak merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Sum Kum Seng v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 244 di mana isu yang sama telah diputuskan. Di dalam kes tersebut perayu disabitkan dengan kesalahan memiliki senjata api iaitu kesalahan di bawah s 57(1)(a) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Pihak pendakwa telah bergantung kepada keterangan bahawa perayu selepas dia ditahan dan disoal siasat mengaku telah menanam senjata api tersebut dan bersetuju untuk menunjuk kepada pegawai polis tempat senjata api itu ditanam. Isu dalam kes tersebut ialah sama ada maklumat tersebut boleh diterima masuk di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 memandangkan perkataan-perkataan tepat yang diucapkan oleh perayu tidak dibuktikan dengan tegasnya.

[60] Chang Min Tat FJ dalam keputusannya telah memberi pandangan berikut:

> With the greatest of respect, we are unable to read in this passage or to see in the several judgments mentioned therein which had been read to us, anything founding the proposition of counsel for the appellant. The fact that the information was told the trial court in substance does not, per se, make it admissible. All the more so, when, as it so clearly appears in this case, it was only in indirect speech and it was so close to the direct that there was no apparent difference. 'The accused admitted burying weapons somewhere and offered to show me the place' is but an indirect

A rendering and not a paraphrase or a substitution of 'I have buried weapons somewhere and I can show you the place'.

This means that the attack on the admissibility of the evidence which so completely inculpates the appellant is entirely without foundation and the appeal must be dismissed.

B

But before leaving this appeal we should express our clear view that while there is no strict necessity at law to give the actual words used by an accused person in supplying the information that led to the discovery of a fact or thing and comes within the provisions of s 27, both the decisions referred to and common sense stress the desirability that the actual words be recorded somewhere. The record is also as much for the protection of the particular officer concerned, be he the investigating or the interrogating officer, as for the purpose of determining its admissibility …

C

D **[61]** Kami berpendapat hakim perbicaraan telah membuat keputusan yang betul apabila beliau menerima maklumat yang diberikan oleh perayu kepada SP5 berkaitan dadah tersebut yang membawa kepada penemuan dadah tersebut di dalam bilik perayu. Berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Sum Kum Seng* maklumat yang diberikan oleh perayu di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 boleh diterima masuk. Lagipun melalui eksh P25 iaitu laporan polis yang dibuat oleh SP5, lebih kurang 134 jam selepas dadah tersebut dijumpai maklumat berkenaan telah dinyatakan oleh SP5 dalam laporan tersebut.

E

F **[62]** Kami juga menolak pembelaan perayu bahawa dia tidak ada memberi maklumat sedemikian kepada SP5 kerana kami berpendapat tidak ada sebab untuk SP5 berbohong mengenai perkara ini. SP5 adalah seorang pegawai polis yang melaksanakan tanggungjawabnya. Tidak ada sebab untuk beliau menganiaya perayu. Apa yang diberitahu oleh SP5 kepada mahkamah adalah perkara yang sebenarnya berlaku. Hakim perbicaraan telah menerima keterangan SP5 dan tidak ada sebab untuk kami mengganggu keputusan tersebut perlu juga ditegaskan di sini dalam menilai kebolehpercayaan saksi-saksi, mahkamah rayuan tidak sepatutnya mengganggu dapatan hakim perbicaraan kerana beliau adalah orang yang lebih layak untuk membuat pertimbangan sedemikian (lihat *Andy bin Bagindah v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 644).

G

H

TIADA 'NEXUS' ANTARA DADAH YANG DIJUMPAI DALAM BILIK SEWA PERAYU DENGAN PERAYU DAN KEGAGALAN MEMANGGIL KPL SANI

I

[63] Peguam terpelajar perayu berhujah bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan sebarang 'nexus' di antara tiga kotak kertas tisu yang

mengandungi dadah tersebut di dalam bilik tersebut dengan perayu kerana terdapat keterangan bahawa ada orang lain yang mempunyai akses kepada bilik tersebut.

[64] Peguam terpelajar perayu seterusnya berhujah bahawa keterangan Kpl Sani iaitu pegawai yang diarahkan untuk mengesan cap jari pada ketiga-tiga kotak kertas tisu tersebut adalah penting dan dengan kegagalan pihak pendakwa memanggil saksi ini, inferens yang bertentangan menurut s 114(g) Akta Keterangan 1950 patut dibuat terhadap pihak pendakwa kerana adalah jelas bahawa pihak pendakwaan sengaja tidak memanggil Kpl Sani sebagai helah untuk menghalang beliau disoal balas oleh pembelaan. Dalam hal ini beliau merujuk kepada keputusan mahkamah dalam kes *Ti Chuee Hiang v Public Prosecutor* [1995] 2 MLJ 433.

[65] Dalam kes ini *Kpl Sani* ditawarkan kepada pihak pembelaan di akhir kes pendakwaan. Oleh itu fakta kes ini adalah berbeza daripada fakta dalam kes *Ti Chuee Hiang* kerana di dalam kes tersebut pemberi maklumat tidak ditawarkan kepada pihak pembelaan. Oleh yang demikian kami berpendapat hujah peguam terpelajar perayu bahawa inferens bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 patut dibuat terhadap kes pihak pendakwa adalah tidak bermerit.

[66] Mengenai pengesanan cap jari daripada barang-barang kes, pegawai penyiasat (SP7) di dalam keterangannya telah mengatakan Kpl Sani tidak dapat mengesan cap jari pada barang-barang kes tersebut. Kami berpendapat ketiadaan cap jari pada barang-barang kes tersebut tidak menjejaskan kes pendakwaan. Tujuan untuk menimbulkan cap jari pada sesuatu ekshibit adalah untuk menentukan identiti pesalah atau orang yang pernah mengendalikan ekshibit tersebut. Dalam kes ini eksibit tersebut dijumpai di dalam bilik yang dihuni oleh perayu dan kunci bilik tersebut dipegang oleh perayu seorang. Pihak pendakwa telah memanggil SP8, bekas teman wanita perayu, pemilik rumah tersebut dan anaknya untuk menunjukkan orang lain tidak mempunyai akses kepada bilik tersebut dan dadah tersebut bukan kepunyaan SP8. Di samping itu pihak pendakwa telah mengemukakan keterangan dalam bentuk maklumat di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 yang diberikan oleh perayu kepada SP5 yang menunjukkan perayu tahu tentang kewujudan dadah tersebut. Melalui keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa kami berpendapat pihak pendakwa telah berjaya membuktikan dadah tersebut berada dalam kawalan dan jagaan perayu dan perayu mengetahui tentang kewujudan dadah tersebut di dalam ketiga-tiga kotak kertas tisu tersebut. Oleh itu kami berpendapat hujah peguam terpelajar perayu bahawa tiada nexus di antara dadah yang dijumpai dalam bilik perayu dengan perayu adalah tidak

bermerit.

PENUTUP

[67] Hakim perbicaraan telah dengan betul menolak pembelaan perayu bahawa besar kemungkinan dadah tersebut kepunyaan Chan dan Yip. Kami berpendapat pembelaan perayu tidak munasabah dan tidak boleh dipercayai dan ianya tidak menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwa bahawa dadah tersebut berada dalam milikan perayu. Perayu juga gagal mematahkan anggapan pengedaran di bawah s 37(da) Akta berdasarkan imbangan kebarangkalian.

[68] Atas alasan-alasan tersebut di atas, rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman ditolak; dan perintah hakim perbicaraan dikekalkan.

Rayuan perayu ditolak, sabitan dan hukuman dikekalkan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed